

20 SEP 1998

CABARAN ANWAR TIDAK KENA PADA TEMPATNYA, KATA MUSTAPA

ROMPIN, 20 Sept (Bernama) -- Cabaran bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim supaya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meletakkan jawatannya tidak kena pada tempatnya, kata Anggota Majlis Tertinggi Umno, Datuk Mustapa Mohamed hari ini.

Beliau berkata sebagai seorang yang bukan lagi anggota Umno, Anwar tiada ada hak untuk mengemukakan cabaran kepada sesiapa dalam Umno, lebih-lebih lagi ke atas Dr Mahathir.

"Yang ada hak untuk mengambil tindakan ialah anggota-anggota parti, khususnya perwakilan Umno. Jadi cabaran Datuk Seri Anwar itu tidak kena pada tempatnya," kata beliau.

Pada ceramahnya di Kuala Terengganu Jumaat lepas, Anwar mencabar Dr Mahathir meletakkan jawatannya sekiranya beliau sudah tidak mahu mendengar nasihat orang lain.

Mengenai tindakan Anwar mempertikai keputusan mahkamah menjatuhkan hukuman ke atas dua lelaki yang mengaku diliwatnya (Anwar), beliau berkata berdasarkan pengakuan mereka itu, tiada harus ada mana-mana pihak yang sangsi dengan keputusan mahkamah yang dibuat dengan adil.

Katanya, sistem perundangan negara ini yang diamalkan sejak berpuluh tahun dulu berjalan dengan baik dan tidak ada sebab untuk mana-mana pihak mempertikaikannya.

Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur semalam menjatuhkan hukuman penjara masing-masing enam bulan ke atas adik angkat Anwar, Sukma Darmawan Sasmitaat Madja dan penulis ucapannya, Dr Munawar Ahmad Anees kerana membenarkan diri mereka diliwat Anwar.

-- BERNAMA WAT